

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

AAW311 - PERAKAUNAN KEWANGAN PERTENGAHAN I

Jam: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN (9)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA (5)** soalan. Soalan-soalan dari Bahagian A adalah **WAJIB** dan pilih **SATU (1)** soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A (WAJIB)

1. Ella Berhad telah menandatangani kontrak untuk membina jejambat pada tahun 1998. Projek ini dijangka siap pada tahun 2000. Harga kontrak ialah RM2,400,000 dan maklumat lain berhubung dengan projek sepanjang tempoh pembinaan ialah seperti berikut:

	1998	1999	2000
	RM'000	RM'000	RM'000
Kos sehingga tarikh	500	1,680	2,050
Anggaran kos hingga siap	1,500	420	-
Bil (tuntutan dari pelanggan) sepanjang tahun	300	1,200	900
Kutipan sepanjang tahun	260	1,000	1,000

Andaikan asas “kos-ke-kos” telah diguna untuk mengukur tahap siap.

Andaikan juga “kaedah peratusan lengkap” digunakan untuk perakaunan kontrak pembinaan ini.

Dikehendaki:

- (a) Sediakan catatan jurnal bagi tahun 1998 sehingga 2000 untuk merekod kontrak jangka panjang ini.
- (b) Sediakan akaun untung dan rugi (separa sahaja) bagi tahun 1998 sehingga 2000.

- (c) Sediakan kunci kira-kira bagi tahun 1998 sehingga 2000.
- (d) Andaikan pada akhir tahun 1999, selepas melibatkan jumlah kos sehingga tarikh sebanyak RM1,680,000, ia dianggarkan bahawa anggaran kos tambahan sebanyak RM840,000 (dan bukan RM420,000) perlu untuk menyiapkan pembinaan, sediakan catatan jurnal yang perlu.

Jawapan anda mesti berdasarkan Piawai Perakaunan Antarabangsa (IAS) No. 11

[15 markah]

2. Imbangan duga Titanic Berhad seperti pada 31 Mac 1998 ialah seperti berikut:

	Debit RM'000	Kredit RM'000
Aset tetap	14,567	
Pelaburan	2,345	
Inventori	2,002	
Akaun belum terima	3,773	
Ekuiti pemegang saham		13,052
Pinjaman jangka panjang		5,976
Akaun belum bayar		1,329
Overdraf bank		994
Untung kasar		25,622
Belanja operasi	21,540	
Yuran profesional	261	
Gaji dan manfaat	1,234	
Belanja sewa	1,251	
	<u>46,973</u>	<u>46,973</u>

Anda telah memperolehi maklumat tambahan seperti berikut:

- (a) Pada 30 November 1997, sebuah kereta baru dengan kos RM525,000 telah dibeli secara sewa beli untuk Pengerusi syarikat. Bayaran sebanyak 20% sebagai bayaran pendahuluan telah dibuat dan bakinya dibiayai secara sewa beli. Mengikut syarat sewa beli, syarikat perlu membayar 60 ansuran bulanan sebanyak RM9,000 setiap ansuran pada hari pertama setiap bulan bermula daripada 1 Disember 1997 di mana RM2,000 merupakan elemen faedah. Ansuran telah dibayar. Akan tetapi semua bayaran berhubung dengan urusan ini telah dicaj secara salah kepada belanja operasi. Susut nilai sepenuh tahun harus diperuntukan berasaskan usiaguna 5 tahun.

- (b) Ekuiti pemegang saham termasuk 7 juta saham biasa, bernilai par RM1.00 setiap saham dan 3 juta saham keutamaan kumulatif boleh ditebus (nilai par RM1.00 sesaham) yang telah diterbitkan pada 1 Oktober 1997 bagi tempoh 5 tahun dan mempunyai kadar dividen 8% setiap tahun yang akan dibayar dua kali setahun pada 31 Mac dan 30 September.
- (c) Modal saham biasa telah mengalami penambahan sepanjang tahun melalui terbitan bonus 1 bagi 2 semuanya daripada rizab modal sebanyak RM1.75 juta dan terbitan hak sebanyak 1 bagi 2 pada harga terbitan RM1.20 setiap saham.
- (d) Pinjaman jangka panjang termasuk RM3 juta 5-tahun pinjaman pada kadar faedah 10% yang telah didapati pada 1 Oktober 1997. Bakinya merupakan pinjaman dari pengarah syarikat.
- (e) Pelaburan terdiri daripada:

Saham disenaraikan, jangka pendek	RM1,250,000
Saham tak disenaraikan, jangka panjang	RM1,095,000

Nilai pasaran saham disenaraikan pada 31 Mac 1998 ialah RM950,000 dan nilai pasaran saham tak disenaraikan ialah RM1.4 juta pada 31 Mac 1998.

- (f) Termasuk di dalam untung kasar ialah RM325,000 diterima berhubung dengan dividen, di mana RM150,000 dikecualikan dari cukai. Cukai bagi dividen belum diambil kira.
- (g) Belanja operasi termasuk butiran berikut:

	RM'000
Hutang lapuk dihapuskira	110
Peruntukan manfaat persaraan	139
Aset tetap dihapuskira	186
Susutnilai	1,014

Peruntukan manfaat persaraan telah bermula pada tahun berakhir 31 Mac 1998 dan ianya telah dimasukkan ke dalam akaun belum terima.

- (h) Belanja sewa terdiri daripada sewa tanah dan bangunan sebanyak RM440,000 sewa pajakan RM110,000; sewa mesin RM630,000. Anda mendapati bahawa hanya 11 belanja sewa telah direkod berkenaan sewa tanah dan bangunan. Untuk belanja sewa mesin, terdapat 14 bulan bayaran, termasuk 2 bulan sewa prabayar.

- (i) Yuran profesional adalah termasuk RM105,000 yang telah dibayar kepada juruaudit luar. Dari jumlah ini, RM25,000 ialah bagi servis perundingan cukai. Yuran peguam berjumlah RM75,000 dan bank perdagangan merupakan baki.
- (j) Gaji dan manfaat termasuk yuran pengarah sebanyak RM404,000. Bonus bagi kakitangan sebanyak RM125,000 telah dibayar selepas tahun berakhir 31 Mac 1998 masih belum terakru.
- (k) Selepas tahun berakhir, penghutang yang berhutang RM550,000 telah muflis.
- (l) Anggaran cukai tahun berakhir 31 Mac 1998 ialah RM300,000 sebelum mengambilkira pemindahan RM50,000 dari cukai tertunda. Baki awal tahun bagi akaun cukai tertunda telah dimasukkan ke dalam baki akaun belum bayar.

Dikehendaki:

Dari maklumat di atas, sediakan penyata kewangan bagi Titanic Berhad yang memenuhi keperluan Akta Syarikat, 1965 dan piawai perakaunan yang diluluskan bagi tahun berakhir 31 Mac 1998. Andaikan kadar cukai ialah 30%. Nota kepada akaun bagi polisi perakaunan tidak perlu.

[25 markah]

3. Maklumat berikut berhubung dengan aset tetap telah diambil dari buku Ronaldo Berhad, sebelum penyediaan penyata kewangan bagi tahun berakhir 1998.

(a) Baki awal:

Amaun angkut kasar pada 1.1.98	RM'000
Tanah dan bangunan hakmilik bebas (lihat nota di bawah)	9,000
Alatan – kos	500
Kenderaan – kos	300
Susutnilai terkumpul pada 1.1.98	
Bangunan hakmilik bebas	300
Alatan	200
Kenderaan	120

Nota: Tanah dan bangunan hakmilik bebas terdiri dari:

- (i) Tanah A dengan bangunan di atasnya. Ia dibeli pada tahun 1991 pada jumlah kos RM4,000,000. Ia dinilai semula pada tahun 1995 pada RM5,000,000 yang terdiri dari RM1,500,000 bagi tanah dan RM3,500,000 bagi bangunan (bangunan dijangka mempunyai baki usiaguna selama 35 tahun pada masa penilaian semula ini),

- (ii) Tanah B dibeli pada tahun 1993 pada kos RM800,000 dan dinilai semula pada tahun 1996 pada RM1 juta. Tanah B telah dicagarkan sebagai cagaran kepada bank sebagai sekuriti untuk mendapat pinjaman bank sebanyak RM500,000, dan,
- (iii) Tanah C telah di beli pada tahun 1994 pada kos RM2,500,000 dan dinilai semula pada tahun 1997 pada nilai RM3,000,000.

(b) Susutnilai:

Semua aset tetap, kecuali tanah hakmilik bebas, disusutnilaikan dengan kaedah garis lurus tanpa nilai sisaan. Bagi aset yang dibeli atau dijual, susutnilai sepenuh tahun akan diperuntukkan pada tahun belian tetapi susut nilai tidak diperuntukkan pada tahun jualan aset tetap . Bagi aset yang dinilai semula pada sesuatu tahun, susutnilai sepenuh tahun perlu diperuntukkan berdasarkan amaun dinilai semula. Anggaran usiaguna bagi setiap kategori aset tetap adalah seperti berikut:

Bangunan	- 40 tahun
Alatan	- 10 tahun
Kenderaan	- 10 tahun

(c) Penilaian semula:

Tanah A dan bangunan telah dinilaisemula pada 2 Januari 1998. Laporan dari firma profesional penilai menunjukkan bahawa:

- (i) berasaskan nilai pasaran bagi kegunaan semasa, tanah hakmilik bebas dinilai pada RM3 juta dan bagi bangunan ialah RM4 juta dan,
- (ii) berasaskan nilai pasaran bagi kegunaan alternatif, tanah hakmilik bebas dan bangunan dinilai pada RM9 juta.

Pengarah mempercayai bahawa penilaian perlu dibuat untuk memberi nilai saksama bagi tanah dan bangunan. Penilaian akan direkod di dalam buku dengan hapus kira akaun susutnilai terkumpul dan lebihan penilaian semula akan dipindah terus kepada akaun rizab penilaian semula. Bangunan dijangka mempunyai baki usiaguna selama 32 tahun selepas penilaian ini.

(d) Belian:

Satu lagi tanah hakmilik bebas (tanah D) telah dibeli pada tahun 1998 pada kos RM1.5 juta tunai.

Alatan baru telah dibeli dengan harga RM200,000 tunai pada tahun 1998.

Lori baru telah dibeli di bawah perjanjian sewa beli pada kos RM80,000. Dua bulan kemudian, sistem hawa dingin telah dipasang di dalam lori pada kos RM10,000 tunai. Sepanjang tahun 1998, caj servis kenderaan berjumlah RM8,000 tunai.

(e) Jualan:

Pada tahun 1998, tanah C telah dijual dengan harga RM4 juta tunai. Alatan yang dibeli pada tahun 1995 pada kos RM100,000 telah dijual dengan harga RM60,000 tunai. Lori yang dibeli pada tahun 1991 dengan kos RM50,000 telah dijual dengan harga RM30,000 tunai.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan catatan jurnal (bagi tahun 1998 sahaja) untuk merekod urusan di atas mengikut keperluan Piawai Perakaunan Antarabangsa (IAS) No. 16.
- (ii) Tunjuk bagaimanakah maklumat berhubung dengan aset tetap harus didedahkan di penyata kewangan tahun 1998 Ronaldo Berhad.

[20 markah]

4. (a) Pengerusi Pengarah Diana Berhad telah membaca tentang beberapa istilah perakaunan di bawah tetapi tidak memahami tentang maksudnya. Sebagai akauntan Diana Berhad, anda dikehendaki menyediakan memo kepada Pengarah Urusan supaya menerangkan istilah berikut kepadanya.

Tulis **memo** kepada Pengerusi Diana Berhad dengan menerangkan secara ringkas tentang lima istilah sahaja di bawah ini:

- (a) rizab penebusan modal
- (b) butiran luar biasa (“extraordinary items”)
- (c) perolehan sesaham habis cair (“fully diluted earnings per share”)
- (d) anticair (“antidilution”)
- (e) kebolehpercayaan (“reliability”)
- (f) kaedah kontrak lengkap (bagi kontrak pembinaan)
- (g) liabiliti kontingen
- (h) kejadian pelarasan

[10 markah]

- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan rangkakerja konsep perakaunan dan kenapa ia penting?

[4 markah]

- (c) Jelaskan rizab modal dan rizab hasil. Anda hendaklah menerangkan perbezaan serta kegunaan rizab ini. Berikan contoh bagi setiap rizab ini.

[6 markah]

Bahagian B

Jawab SATU (1) soalan sahaja.

5. Ali, Bala dan Tan menjalankan perniagaan peruncit secara perkongsian. Perjanjian perkongsian memperuntukkan:
- (a) Pekongsi akan dikredit pada akhir setiap tahun dengan gaji sebanyak RM1,000 kepada Ali dan RM500 kepada Bala dan RM500 kepada Tan. Faedah pada kadar 5% setahun akan diberikan ke atas baki kredit akaun modal mereka pada awal tahun.
 - (b) Faedah tidak dicaj atas ambilan.
 - (c) Selepas dicaj gaji pekongsi dan faedah atas modal, untung dan rugi akan dibahagikan mengikut nisbah berikut: Ali 50%; Bala 30% dan Tan 20%. Syarat agihan ialah kepada Tan pada mana-mana tahun (tidak termasuk gaji dan faedah) tidak harus kurang dari RM1,000. Sebarang kekurangan akan ditanggung oleh dua pekongsi yang lain mengikut nisbah untung dan rugi mereka.

Imbangan duga perkongsian pada 31 Disember 1998 ialah seperti berikut:

	Dt RM	Kt RM
Akaun modal pekongsi (baki pada 1.1.98):		
Ali		8,000
Bala		5,000
Tan		3,000
Akaun semasa pekongsi (baki pada 1.1.98):		
Ali		1,600
Bala		1,200
Tan		800
Jualan		46,500

Akaun belum bayar		3,700
Perkakas pada kos	3,600	
Susutnilai terkumpul perkakas pada 1.1.98		1,400
Bangunan hakmilik pada kos	6,000	
Bangunan hakmilik pajakan – dibeli pada tahun 1998	4,500	
Bangunan hakmilik pajakan – penambahan	2,500	
Belian	28,000	
Inventori pada 1.1.98	4,200	
Gaji dan upah	6,400	
Belanja pejabat	4,520	
Sewa dan insuran	1,050	
Caj profesional	350	
Akaun belum terima	2,060	
Peruntukan hutang ragu pada 1.1.98		50
Bank	4,370	
Ambilan, selain dari bayaran bulanan:		
Ali	1,700	
Bala	1,100	
Tan	900	
	<u>71,250</u>	<u>71,250</u>

Anda telah diberi maklumat tambahan berikut:

- (a) Inventori akhir pada 31 Disember 1998 bernilai RM3,600.
- (b) Hutang sebanyak RM60 telah dihapuskan dan peruntukan atas baki akaun belum terima ialah 5%.
- (c) Gaji dan upah termasuk ambilan bulanan oleh pekongsi: Ali RM50; Bala RM30 dan Tan RM25.
- (d) Pekongsi telah dibekalkan dengan barangan dari inventori. Persetujuan telah dibuat untuk mengecajkan nilai inventori kepada akaun Ali dan Bala seperti berikut: Ali RM60 dan Bala RM40.
- (e) Pada 31 Disember 1998, sewa dan insuran dibayar secara prabayar ialah RM250 dan belanja pejabat masih belum bayar ialah RM240.
- (f) Susutnilai atas perkakas ialah 5% setahun berdasarkan kos.
- (g) Caj profesional termasuk RM250 yuran dibayar berhubung dengan belian bangunan hakmilik pajakan di mana yuran akan dipermodalkan.
- (h) Kos dan penambahan bangunan hakmilik pajakan harus dihapuskan berdasarkan 25 tahun dan bermula pada 1 Januari pada tahun di mana bangunan dibeli.

Dikehendaki:

- (i) Andaikan untung bersih ialah RM6,620 bagi setahun berakhir 31 Disember 1998, sediakan penyata agihan untung bersih bagi perkongsian bagi tahun berakhir 31 Disember 1998.
- (ii) Kunci kira-kira pada 31 Disember 1998.
- (iii) Akaun semasa pekongsi (bentuk ruangan) bagi tahun berakhir 31 Disember 1998.

[20 markah]

6. (a) Nyatakan, dengan penjelasan yang sesuai, cara hasil harus diiktiraf bagi setiap kes bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 1998.
- (i) Jualan tiket bagi konsert nyanyian kumpulan Boyz yang bermula pada pertengahan Jun 1998. Konsert tersebut akan diadakan pada 15 Julai 1998. Glamur Arts Sdn. Bhd., penganjur konsert telah menjual RM0.5 juta nilai tiket seperti pada 30 Jun 1998. Jumlah nilai tiket jika mengandaikan semua tiket dijual ialah RM0.75 juta.
 - (ii) Wawasan Bhd telah melancarkan projet kondominium pada 1 Januari 1998 dan telah mengutip 10% pendahuluan atas tempahan dan 10% lagi semasa menandatangani perjanjian jualan dan pembelian 3 bulan kemudian. Kerja menyediakan tapak atas projek telah siap pada bulan Jun di mana 20% perlu dibayar. Syarikat dapat menjual semua unit kondominium dan meramalkan hasil kasar dari projek tersebut ialah RM25 juta.
 - (iii) Seni Jaya Sdn Bhd telah mendapat kontrak pengiklanan pada Januari 1998 di mana kerja pengeluaran telah tamat pada Mei 1998. Kempen pengiklanan dijangka bermula pada Ogos 1998. Jumlah hasil yuran bagi kerja ini ialah RM1.8 juta di mana 30% dikaitkan dengan komisen pengeluaran dan baki terdiri daripada komisen media.

[10 markah]

- (b) Jelaskan perbezaan di antara penyata pendapatan dan kunci kira-kira bagi pemilikan perseorangan, perkongsian dan syarikat.

[10 markah]